

Headline	Tangkak cipta rekod baharu MBOR		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	02 Jan 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	41	Readership	480,000
Language	Malay	ArticleSize	352 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,466
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,397



# Tangkak cipta rekod baharu MBOR

Tanam pokok karas paling banyak, berjaya atasi rekod di Dungun, Terengganu

**TANGKAK** - Pelbagai cara dilakukan dalam usaha meningkatkan imej Tangkak selain memberi keceriaan di seluruh daerah itu.

Terbaru, ribuan anak pokok karas ditanam di tiga Dun secara serentak sekali gus mencipta rekod baharu sebagai Penanaman Terbanyak dalam *Malaysia Book Of Records* (MBOR).

Ahli Parlimen Ledang, Datuk Ir Hamim Samuri berkata, sebanyak 3,144 anak pokok karas yang boleh menghasilkan kayu gaharu ditanam dalam tiga Dun iaitu Dun Gambir, Dun Tangkak dan Dun Serom.

"Aktiviti penanaman secara serentak ini telah diadakan dalam kawasan Dun Gambir bertempat di Kampung Parit Kasan, selain Dun Tangkak di Bandar Baru Tangkak dan Dun Serom melibatkan kawasan rekreasi iaitu di Pulau Penarik, Sungai Mati.

"Malah, dalam aktiviti ini, kita turut menggunakan pendekatan baharu apabila melibatkan kerjasama penduduk iaitu kira-kira 3,000 keluarga di sekitar daerah ini, selain penglibatan 90 pelajar dari Universiti Malaya (UM)," katanya pada Program Tanam Pokok Mega

Parlimen Ledang di Kampung Parit Kasan, Bukit Gambir, di sini.

Turut hadir, Adun Serom, Abd Razak Minhat; Adun Gambir, Datuk M Asojan dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Hamim yang juga Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar berkata, aktiviti penanaman itu berjaya mencipta rekod baharu kerana jumlah anak pokok mengatasi rekod diiktiraf MBOR di Dungun, Terengganu iaitu 1,500 pokok pada 2013.

Menurutnya, aktiviti pengindahan melibatkan tanah seluas 12.14 hektar itu juga sebagai sokongan terhadap pengiktirafan daripada kerajaan negeri menjadikan daerah Tangkak sebagai tempat tumpuan pelancong.

"Pokok karas yang ditanam hasil usaha sama Pusat Khidmat Wakil Rakyat Parlimen Ledang dan kementerian ini berpotensi menjadi teduhan kepada pengunjung taman rekreasi serta menambah nilai kekayaan ekologi.

"Saya berharap setiap individu yang menanam pokok tersebut serta

kerajaan tempatan dapat meneruskan usaha menjaga dan melindungi agar pokok itu terus hidup hingga ia membesar," katanya.

Beliau berkata, hasil aktiviti itu menjadikan jumlah pokok yang ditanam di seluruh negara kini mencapai 42 juta selaras komitmen kerajaan untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus keluasan tanah negara dilitupi pokok dan kawasan berhutan.

"Selain menyemai sikap keprihatinan masyarakat terhadap alam sekitar, program ini juga bertujuan mengajak orang ramai bersama-sama memelihara dan memulihara ekosistem," katanya.

Dalam majlis itu, Pegawai MBOR, Nurasyikin Ramli mengumumkan pengiktirafan tersebut serta menyampaikan sijil berkenaan kepada Hamim.

Terdahulu, Hamim turut mengambil peluang melancarkan buku *Gunung Ledang Malaysia, Flora Puncak Tertinggi Paling Selatan Asia* yang mendokumentasikan keindahan flora kawasan peranginan itu selain memperkenalkan logo *Love Ledang Tangkak* sebagai satu identiti program Parlimen Ledang.



Hamim (tengah) bersama sebahagian penuntut UM dan peserta selepas menanam pokok karas yang ke 3,144 pada Program Tanam Pokok Mega Parlimen Ledang 2016 di Laman Tiga Segi Komuniti Parit Kasan, Bukit Gambir, Tangkak.